

# KENYATAAN MEDIA

## LAWATAN KERJA YB MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC) SELAKU PENGERUSI BERSAMA MAJLIS TINDAKAN PEMBANGUNAN NEGERI (MTPNg) KELANTAN KE ATAS PROJEK PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN DI NEGERI KELANTAN

Kerajaan Perpaduan melalui Kementerian Ekonomi telah meluluskan sebanyak 436 projek / program bagi pelaksanaan di bawah *Rolling Plan Ketiga RP3 RMKe12* bagi Negeri Kelantan. Jumlah ini merangkumi peruntukan keseluruhan RM2.57 Billion dan kos projek / program berjumlah RM22.17 Billion. Manakala bagi Jajahan Tumpat sebanyak RM88.82 Juta telah diluluskan merangkumi 23 projek dengan kos pembangunan keseluruhan berjumlah RM1.04 Billion. Daripada jumlah tersebut sebanyak 7 projek baharu diluluskan di Jajahan ini dengan kos keseluruhan RM240.4 Juta.

Di samping meneruskan projek / program berimpak tinggi yang diluluskan oleh Kerajaan sebelum ini di Jajahan Tumpat khasnya dan seluruh Kelantan amnya termasuk Projek Lingkaran Tengah Utama (LTU) dari Kota Bharu ke Gua Musang, Kerajaan Perpaduan juga telah meluluskan beberapa projek berimpak tinggi yang berteraskan keperluan rakyat serta penjanaan ekonomi di Jajahan Tumpat seperti berikut:

BIL	PROJEK	KEM.	KOS (RM JUTA)
1	Membina Sistem Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kg. Pengkalan Nangka Dan Kawasan Sekitar, Tumpat Kelantan	KKDW	130.0
2	Pembinaan Jambatan Menghubungkan Pulau Teluk Rejuna Ke Bandar Tumpat, Kelantan	KKDW	92.0
3	Kerja Awalan Bagi Pembinaan Jalan Dan Jambatan Baharu Menghubungkan Pengkalan Kubor, Tumpat, Kelantan Ke Tak Bai, Narathiwat, Thailand	KKR	8.0

Bagi membantu Kerajaan Negeri Kelantan menangani permasalahan berkaitan bekalan air di negeri ini, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

(NRECC) juga telah diluluskan dengan Projek Pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Berkapasiti 500 JLH Di Mukim Joh Labok, Machang, Kelantan bernilai RM650.0 Juta menerusi peruntukan RP3 RMKe12.

Saya juga telah meninjau dan diberi taklimat berkaitan pelaksanaan Projek Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan Fasa 1 pada hari ini. Kemajuan pelaksanaan sehingga kini telah mencapai 90.27%. Walaubagaimanapun projek ini mengalami kelewatan sebanyak 106 hari disebabkan oleh beberapa isu berkaitan pengambilan tanah. Walaupun demikian,saya meletakkan kepercayaan kepada JPS Malaysia bahawa projek ini akan dapat disiapkan pada 17 Oktober 2023 seperti yang dijadualkan.

Sesungguhnya Kerajaan Perpaduan amat komited dan cakna dengan keperluan pembangunan fizikal dan sosial serta isu – isu berkaitan yang melingkari rakyat Negeri Kelantan. Saya selaku Pengerusi Bersama Majlis Tindakan Pembangunan (MTPNg) Negeri Kelantan menyatakan komitmen penuh dalam membantu penyelarasan bagi keputusan dasar berkaitan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan pengesanan keberkesanan program / projek pembangunan di Negeri Kelantan. Sukacita dimaklumkan, seiring dengan keprihatinan YAB Perdana Menteri berkaitan klinik daif serta bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan Kerajaan Perpaduan kepada penduduk Teluk Renjuna dan kawasan sekitar , Klinik Kesihatan Teluk Renjuna telah diluluskan peruntukan penyelenggaraan sebanyak RM30,000 di bawah Projek Mesra Rakyat.

Saya juga berbesar hati untuk mengumumkan bahawa Masjid Teluk Renjuna juga telah diluluskan peruntukan Projek Mesra Rakyat untuk pemberian bumbung masjid berjumlah RM30,000. Semoga peruntukan yang diluluskan ini dapat memberikan manfaat kepada semua penduduk di gugusan pulau Jajahan Tumpat ini;

Bagi memastikan segala perancangan pelaksanaan projek yang telah dirancang pada 2023 ini berjalan lancar, saya percaya Kerajaan Negeri dapat memberikan kerjasama sepenuhnya terhadap segala agenda pembangunan yang dirancang selaras dengan hasrat Kerajaan Perpaduan untuk membawa pembangunan ke seluruh jajahan di negeri Kelantan seterusnya menoktahkan kesenjangan ekonomi, sosial dan wilayah yang membelenggui rakyat Kelantan selama ini.

## **KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)**

**17 JUN 2023**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia